



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

“INISIATIF PRIHATIN BELIA DAN SUKAN : MANFAAT KEPADA PENGGIAT SEKTOR INDUSTRI SUKAN”

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) hari ini mengumumkan tujuh (7) Inisiatif Prihatin Belia dan Sukan khusus untuk belia dan penggiat industri sukan di Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pengumuman secara dalam talian ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan bersama-sama YB Senator Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KBS.

Inisiatif ini merupakan usaha KBS dalam menambah nilai Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Jun 2021 lalu.

Bagi memastikan keseluruhan inisiatif berkaitan pembangunan belia dan sukan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dapat dipantau dan dilaksanakan dengan baik, KBS menubuhkan **SEKRETARIAT PRIHATIN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (SPIKE)** yang antara lain berfungsi sebagai pusat sehenti bagi memudahkan belia dan penggiat sukan mendapatkan maklumat segera mengenai pelaksanaan setiap inisiatif kerajaan.

Tujuh Inisiatif Prihatin Belia dan Sukan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

INISIATIF 1 : GERAN PRIHATIN INDUSTRI SUKAN (GPIS)

Bantuan ini adalah khusus kepada operator dan pengusaha fasiliti sukan dan rekreasi komersial yang terjejas kerana tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh PKP seperti mana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Geran ini boleh memanfaatkan kira-kira 6,000 buah ribu buah syarikat / perniagaan berdaftar berkaitan industri sukan dengan jumlah bantuan secara *one-off* sebanyak

RM3,000. Permohonan GPIS ini boleh dibuat bermula 5 Julai 2021 melalui <https://www.gpis.kbs.gov.my>.

INISIATIF 2 : MORATORIUM BAGI PENGGIAT INDUSTRI SUKAN

Seperti mana pengumuman di dalam PEMULIH, peminjam individu sama ada B40, M40 atau T20 dan juga usahawan mikro layak memohon kepada pihak bank bagi mendapatkan kelulusan moratorium secara automatik.

KBS melalui SPIKE akan membantu dan memudah cara permohonan moratorium untuk pengusaha sukan PKS dengan **menyediakan surat pengesahan pihak Kementerian** untuk menyokong permohonan tersebut kepada pihak bank.

INISIATIF 3 : INSENTIF SEWAAN DAN OPERATOR PERNIAGAAN FASILITI SUKAN KBS

KBS akan memberikan Insentif Sewaan fasiliti sukan dan rekreasi di bawah seliaan KBS pada kadar 50 peratus untuk tempoh enam bulan akan datang. Insentif Sewaan ini terpakai kepada fasiliti sukan dan rekreasi milik Majlis Sukan Negara (MSN), Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), dan Impact Integrated.

Selain itu, KBS turut memberikan Insentif Operator Perniagaan di fasiliti terpilih di bawah seliaan KBS dengan memberi pengecualian 50 peratus kadar sewaan selama enam bulan bermula dari tarikh PKP 3.0 berkuat kuasa.

Dalam masa yang sama, KBS juga telah memanjangkan cadangan pelaksanaan insiatif pengurangan bayaran lesen perniagaan kepada operator sukan untuk pertimbangan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan semua Kerajaan negeri.

INISIATIF 4 : TAWARAN MYVAC KHUSUS UNTUK PEKERJA INDUSTRI SUKAN

Bagi menyokong penggiat industri sukan yang terkesan khususnya kepada para pekerja yang mungkin terpaksa mengambil cuti tanpa gaji, KBS akan menawarkan dan memberi keutamaan pengambilan sukarelawan MYVAC kepada para pekerja industri sukan melalui PROGRAM MYVAC@SPORTSINDUSTRY.

Sebagai permulaan, **satu ribu slot MYVAC dikhususkan kepada para pekerja industri sukan** yang berdaftar dengan KBS/MITI melalui *Covid-19 Intelligent Management System* (CIMS).

Sebagai permulaan, sebahagian kecil pekerja industri sukan telah dikenal pasti dan telah ditempatkan di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil dan mengikut lokasi tempat kediaman masing-masing.

INISIATIF 5 : PENAMBAHBAIKAN SKIM PEMBIAYAAN INDUSTRI SUKAN (SPIS)

Hasil kerjasama Kementerian Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan KBS, Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS) telah diperkenalkan baru-baru ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta.

Memahami kesulitan yang dialami oleh industri sukan, MEDAC dan KBS akan membawa ke perhatian Jemaah Menteri bagi membolehkan kadar peratusan bayaran balik yang lebih rendah dapat dipertimbangkan untuk penggiat industri sukan.

Selain itu, KBS menghargai peruntukan dana tambahan berjumlah RM1.1 bilion di bawah program pembiayaan mikrokredit PEMULIH. Kemudahan yang disediakan melalui Bank Simpanan Nasional dan juga TEKUN boleh dimanfaatkan penggiat industri sukan berstatus mikro dan PKS yang tidak dapat beroperasi semasa PKP bagi mendapatkan modal kerja untuk kembali beroperasi.

INISIATIF 6 : PROGRAM VAKSINASI INDUSTRI SUKAN (SPORTIVAC)

Program Vaksinasi Industri Sukan (SPORTIVAC) akan membolehkan penggiat industri sukan diberikan keutamaan untuk menerima vaksin yang akan diselaraskan oleh SPIKE. Sebagai permulaan, penggiat industri sukan yang berdaftar dengan CIMS akan diberi keutamaan.

INISIATIF 7: PENAWARAN KURSUS BERKAITAN SUKAN SECARA PERCUMA

KBS turut membuka peluang kursus berkaitan sukan secara percuma kepada penggiat industri sukan serta orang ramai khususnya para belia dalam meningkatkan kemahiran dan ilmu berkaitan sukan. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti:

- (i) Coaching Foundation Programme anjuran ISN;**
- (ii) Communication Towards Professionalism in Sports anjuran ISN;**
- (iii) Program Bootcamp Golf Services anjuran ILKBS;**
- (iv) Sports Massage anjuran ILKBS; dan**
- (v) Pelbagai kursus/latihan jangka pendek berkaitan sukan di institusi-institusi latihan bawah KBS.**

KBS amat memahami segala kesukaran yang dihadapi oleh penggiat industri sukan. yang teruk terjejas akibat **pandemik COVID-19**.

“Satu-satunya jalan untuk memastikan kita dapat keluar daripada keadaan ini adalah dengan pembukaan semula sepenuhnya sektor sukan dan rekreasi. Keadaan ini pastinya bergantung pada kejayaan negara kita untuk melaksana pelan pemulihan seperti yang dirancang”, kata YB Dato’ Sri Reezal Merican.

Beliau turut menambah, “Sementara menuju tempoh dan waktu itu, KBS akan terus berusaha, meneroka ruang dan peluang untuk membantu dan memberikan sokongan kepada semua penggiat industri sukan”.

Semoga inisiatif-inisiatif tambahan yang diperkenalkan ini akan dapat memberi sedikit kelegaan kepada para penggiat industri sukan dalam menempuh saat-saat sukar ini.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif ini, sila layari www.kbs.gov.my atau hubungi SPIKE di talian 03-88713246 / 3585 pada hari Isnin hingga Jumaat, bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

5 Julai 2021

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan

| Tel : 03-8871 3405 / 3436